

25 APR 2001

Agong-Zhu Rongji

PROJEK KILANG PALPA DAN KERTAS CHINA-MALAYSIA DITERUSKAN

Oleh: Ruhil Amani Zainal Abidin

BEIJING, 25 April (Bernama) - Projek kerjasama Malaysia dan China untuk mewujudkan kilang palpa dan kertas di Sabah, akan dimulakan secepat mungkin, kata seorang jurucakap Kementerian Luar Malaysia hari ini.

Katanya Perdana Menteri China, Zhu Rongji dalam pertemuannya dengan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini berkata beliau dan rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersependapat bahawa projek itu memberi banyak manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

Kilang palpa dan kertas bernilai RM4.3 bilion itu akan dibina di Kalabakan, Tawau.

Seri Paduka berada di sini untuk lawatan negara yang memasuki hari kedua, mengunjungi Zhu di pejabatnya, di Zhonanghai di sini.

Pertemuan selama setengah jam itu juga disertai Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim selaku Menteri Pengiring dan Duta Malaysia ke China Datuk Abdul Majid Ahmad Khan.

Menurut jurucakap itu, Zhu turut menyatakan keyakinan terhadap hubungan dua hala Malaysia-China yang wujud sejak lebih dua dekad.

Timbalan Menteri Luar China, Wang Yi dan Duta Besar China ke Malaysia Guan Dengming turut hadir pada pertemuan itu.

Semalam, Seri Paduka membuat kunjungan muhibah ke atas Presiden Jiang Zemin.

Sebuah akhbar berbahasa Inggeris tempatan, China Daily, melaporkan bahawa semasa pertemuan itu, Jiang dilaporkan sebagai berkata bahawa beliau menyifatkan pembangunan dua hala China-Malaysia sejak terjalinnya hubungan diplomatik 27 tahun lepas sebagai kukuh.

Laporan itu menyebut Presiden China berkata pertukaran lawatan yang kerap antara para pemimpin kedua-dua negara telah menyumbang kepada peningkatan persefahaman dan persahabatan antara China dan Malaysia.

Jiang menyuarakan keyakinan beliau terhadap hubungan persahabatan dengan Malaysia, walaupun berbeza tradisi dan sistem politik.

Pemimpin itu juga memadang tinggi pencapaian Malaysia dalam menghadapi krisis kewangan yang kini hampir pulih serta pembangunan ekonominya.

China dan Malaysia kerap bertukar kerjasama dalam bidang kebudayaan, pendidikan, saintifik dan ketenteraan.

-- BERNAMA

RAZ ES LAT